



Pejabat Residen Kota Samarahan

## SYARAT PENYERTAAN PERTANDINGAN MEREKA CIPTA ARCA AWAM KOTA SAMARAHAN 2020

### A. PENGENALAN

Samarahan merupakan Bahagian ke-lapan yang menggabungkan tiga daerah iaitu Kota Samarahan, Simunjan dan Asajaya; serta dua daerah kecil iaitu Sadong Jaya dan Sebuyau masing-masing dalam daerah Asajaya dan Simunjan. Muka bumi yang subur menjadikan bahagian ini terkenal dengan aktiviti perdagangan hasil pertanian dan perikanan yang menjadi nadi ekonomi utama selain keterlibatan dalam bidang ekonomi moden yang turut berkembang sejajar dengan peredaran arus pembangunan. Terdapat pelbagai latarbelakang etnik yang menetap di Samarahan yang hidup harmoni dalam kepelbagaian budaya yang ada. Asimilasi komuniti Iban, Melayu, Bidayuh, Bugis, dan Cina serta yang lain-lain telah mewujudkan budaya Samarahan yang unik untuk diterokai.

Pembangunan Bahagian Samarahan sebagai Kota Ilmu telah membawa banyak perubahan pembangunan di bahagian ke-lapan ini, terutama dengan penubuhan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 1992. Ianya terus berkembang dengan penubuhan Universiti Teknologi Mara (UITM) serta Institut Perguruan Tun Abdul Razak (IPTAR) yang sekaligus mengubah corak pembangunan setempat. Pelbagai infrastruktur diwujudkan bagi memudahkan kehidupan masyarakat setempat yang memberi kesan positif dalam pembangunan sosio-ekonominya. Kemudahan Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak, Institusi Latihan Perindustrian (ILP) dan penyediaan jambatan terus memperkasakan pembangunan bahagian Samarahan, selaras dengan pembangunan Kota Ilmu yang diilhamkan oleh kepimpinan sebelum ini.

### B. INFORMASI PERTANDINGAN

**B1.** Tema Pertandingan : **Samarahan, Kota Ilmu.**

**B2.** SLOGAN :  **SAMARAHAN  
KOTA ILMU**

### C. SYARAT PERTANDINGAN.

- C1. Penyertaan ini terbuka kepada warga Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Terbuka (umum) dan Pelajar IPTA/IPTS.
- C2. Peserta hanya boleh menghantar satu (1) penyertaan sahaja. Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan (maksimum 5 orang).
- C3. Rekabentuk arca awam hendaklah hasil ciptaan tersendiri dan mengikut kreativiti masing-masing. Pihak MPKS tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas rekaan arca awam tersebut.
- C4. Karya seni arca awam haruslah mengikut tema dan mempunyai slogan (*rujuk B2*) yang telah ditetapkan.
- C5. Peserta dikehendaki menghasilkan rekaan arca awam yang bersaiz 10 *ft* (Panjang) x 10 *ft* (Lebar) x 15 *ft* (tinggi) dengan digabungkan bersama slogan (*rujuk B2*) yang bersaiz 15 *ft* (lebar) x 4 *ft* (tinggi).
- C6. Bagi penyertaan peringkat akhir, model arca awam dengan skala 1:10 berdasarkan saiz sebenar arca awam perlu dihasilkan iaitu model arca awam bersaiz 100cm, (Tinggi + Panjang + Lebar = sekurang-kurangnya 105cm). Sebagai contoh ; 30cm+30cm+45cm=105cm; termasuk gabungan bersama slogan.
- C6. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan model adalah bebas mengikut kesesuaian rekaan. Segala kos rekaan dan penghantaran adalah ditanggung oleh peserta sendiri. Pihak MPKS tidak akan bertanggungjawab atas segala kerosakan semasa penghantaran melalui pos.
- C7. Penyertaan hendaklah dikemukakan melalui penyerahan di atas talian [majlisperbandarankotasamarahan@gmail.com](mailto:majlisperbandarankotasamarahan@gmail.com) Gambaran rekaan hendaklah divisualkan dari tiga arah (sisi visual dari hadapan dengan menampakkan keseluruhan model arca, sisi visual dari arah sisi, dan satu sisi visual dari arah belakang). Penyertaan yang dihantar hendaklah dalam bentuk fail PDF atau JPEG dengan bersaiz maksimum 12MB. Karya yang dihantar akan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Kota Samarahan.
- C8. Bagi sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pihak urusetia di talian **082-671 023 (ext 126)** (Hazirah / Fariah).

## D. PENILAIAN

### D1. PERINGKAT PERTAMA

- i. Peserta dikendaki menghantar rekaan arca awam dalam format fail PDF/JPEG (rujuk C7).
- ii. Kesemua penghantaran penyertaan hendaklah dihantar menerusi [majlisperbandarankotasamarahan@gmail.com](mailto:majlisperbandarankotasamarahan@gmail.com). Tarikh tutup penghantaran adalah **16 Mac 2020**.

### D2. PERINGKAT KEDUA

- i. Pada saringan pertama, seramai 8 peserta bagi setiap kategori akan di senarai pendek untuk peringkat kedua penjurian.
- ii. Enam belas (16) peserta akan dimaklumkan oleh urusetia bagi menghantar model arca awam bagi penjurian akhir.
- iii. Peserta dipilih dikehendaki menghantar model arca awam ke alamat :  
**Perpustakaan Awam,  
Majlis Perbandaran Kota Samarahan,  
94300, Samarahan,  
Sarawak.**
- iv. Semua kos penghantaran adalah dalam tanggungan peserta sendiri.
- v. Tarikh akhir penerimaan model arca awam adalah selewat-lewatnya pada **23 April 2020**. Peserta dinasihatkan menghantar model arca lebih awal sebelum tarikh yang disebutkan.

### D3. PERINGKAT KETIGA

- i. Setiap model akan dipamerkan kepada umum.
- ii. Sesi penjurian akhir akan dilaksanakan oleh pihak panel juri (gabungan professional dan juri luar) yang dilantik oleh urusetia pertandingan dan MPKS.

## E. PENGADILAN

- i. Kedua-dua peringkat akan dinilai oleh kumpulan panel yang terdiri daripada gabungan professional dan luar seperti pengkritik seni/seni tempatan yang dilantik oleh penganjur dan ahli MPKS sendiri.
- ii. Keputusan penjurian adalah muktamad. Tiada surat-menyurat akan dimasukkan ke dalam subjek ini sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

- iii. Peringkat pertama:
  - 1. Pemilihan untuk 16 rekaan arca awam bagi peringkat saringan kedua (8 arca untuk kategori awam dan 8 arca untuk kategori IPTA/IPTS).
  - 2. Peserta berjaya akan dimaklumkan oleh urusetia menerusi telefon, e-mel atau SMS dalam tempoh seminggu selepas tarikh tamat penyertaan (rujuk D1.iii)
  
- iv. Peringkat kedua:
  - 1. Peserta terpilih dikehendaki menghantar model skala 1:10 untuk diadili sebelum 23 April 2020.
  - 2. Model Arca Awam akan diadili oleh panel juri yang di lantik.
  - 3. Keputusan hakim adalah muktamad dan konklusif. Tiada surat-menyerat akan dimasukkan ke dalam subjek ini sebelum, semasa, atau selepas pertandingan.
  - 4. Pemenang yang layak untuk peringkat seterusnya akan dipilih oleh panel hakim dilantik dan akan diberitahu melalui telefon, e-mel atau SMS pada tarikh yang akan ditetapkan.
  
- v. Peringkat ketiga:
  - 1. Seramai 6 finalis akan dipilih (3 arca untuk kategori awam) dan (3 arca untuk kategori IPTA/IPTS).
  - 2. Model Arca Awam akan diadili oleh panel juri.
  - 3. Keputusan hakim adalah muktamad dan konklusif. Tiada surat-menyerat akan dimasukkan ke dalam subjek ini sebelum, semasa, atau selepas pertandingan.
  - 4. Pemenang akan diumumkan dalam satu acara khas pertandingan yang akan dimaklumkan

## **F. HADIAH PEMENANG**

### **F1. Kategori Awam (Terbuka)**

- i. Johan Kategori : RM 10,000
- ii. Naib Juara Kategori : RM 2,500
- iii. Ketiga Kategori : RM 1000

### **F2. Kategori IPTA/IPTS**

- i. Johan Kategori : RM 5,000
- ii. Naib Juara Kategori : RM 1,000
- iii. Ketiga kategori : RM 500